

Kewajipan Berzakat

Daripada Ibn Umar R.Anhuma, katanya:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ، عَلَى الْعَبْدِ وَالْحُرِّ، وَالذَّكَرِ وَالْأُنْثَى، وَالصَّغِيرِ وَالْكَبِيرِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَمَرَ بِهَا أَنْ تُؤَدَّى قَبْلَ خُرُوجِ النَّاسِ إِلَى صَلَاةِ الْعِيدِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW telah memfardukan zakat fitrah dengan kadar segantang daripada kurma atau segantang daripada sya’ir ke atas hamba dan yang merdeka, lelaki dan perempuan, kecil dan besar di kalangan orang Islam. Baginda memerintahkan dengannya supaya ditunaikan sebelum keluaranya orang ramai untuk solat hari raya.”

Riwayat al-Bukhari dalam *al-Sahih* (3/ 430) no. (1503)
dan Muslim dalam *al-Sahih* (2/ 677) no. (984)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Zakat pada bahasa bererti *berkat, tumbuh, bersih, berkembang dan baik* yang merupakan kata dasar (masdar) dari perkataan *zaka*. Menurut Kitab *Lisan al-Arab* semuanya digunakan dalam al-Quran dan hadis. Pada istilahnya pula iaitu *sebahagian harta tertentu yang diwajibkan Allah untuk diserahkan kepada orang-orang yang berhak*. Di sana terdapat beberapa definisi yang hampir sama maksud dan erti zakat.
2. Zakat mempunyai hikmah dan faedah yang banyak. Ia adalah untuk kebaikan pengeluaran zakat dan juga penerimaan. Faedah zakat juga dapat dinikmati oleh individu dan masyarakat. Dalam membincangkan hikmah ini, penulis


merujuk kepada Kitab *Fiqh al-Manhaji* karya Dr. Mustafa al-Khin, Dr. Mustafa al-Bugha dan Dr. Ali al-Syarbaji dan *Fiqh al-Zakah* karya Dr. Yusuf al-Qaradhawi. Antara hikmah dan faedah tersebut adalah seperti berikut:

3. Amalan berzakat boleh membiasakan diri pengeluarannya bersifat pemurah, dan suka berkorban. Amalan itu juga boleh mencabut akar umbi sifat kedekut dan unsur-unsur bakhil. Hakikat ini akan dirasakan sendiri oleh pengeluar zakat tersebut dan dia juga menyedari bahawa zakat itu lebih ketara menambah harta daripada mengurangnya. Benarlah sepertimana yang ditegaskan oleh Rasulullah SAW yang bersabda:

مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ

Maksudnya: "Zakat (sedekah) itu tidak mengurangi harta."

4. Bagaimanakah dikatakan zakat itu akan mengurangi harta, sedangkan Allah SWT memberkati harta yang tinggal dengan sebab berzakat? Allah SWT akan menjauh harta tersebut daripada sesuatu yang memudaratkannya dan memeliharanya daripada gangguan manusia. Selain perkara tersebut, Allah SWT juga akan menunjukkan cara-cara untuk memanfaatkan dan mengembangkan harta tersebut kepada pemiliknya. Di samping itu, Allah SWT akan memberi pahala yang besar kerana mengeluarkan harta semata-mata untuk keredaan-Nya.
5. Zakat boleh menguatkan hubungan persaudaran dan kasih sayang antara pengeluar zakat dengan orang lain. Apabila kesedaran tentang rukun Islam ini tersebar dalam masyarakat dan setiap orang Islam yang mampu menunaikan kewajipan memberi zakat kepada orang yang berhak menerimanya, maka dapat dilihat betapa kuatnya jalinan kasih sayang sesama individu muslim, kumpulan-kumpulan mereka dan antara masyarakat seluruhnya. Tanpa kasih sayang tidak akan sempurna hubungan antara anggota masyarakat yang sepatutnya kuat bagaikan sebuah bangunan.
6. Zakat berperanan memastikan keperluan anggota sesebuah masyarakat menjadi sempurna meskipun terdapat keadaan dan unsur-unsur yang meluaskan jurang perbezaan taraf sosial atau bertambahnya golongan fakir.
7. Tegasnya zakat berfungsi untuk memelihara masyarakat daripada jurang perbezaan taraf sosial yang ketara. Zakat juga dapat mengatasi unsur-unsur



yang menyebabkan peningkatan golongan yang memerlukan bantuan dan golongan fakir.

8. Zakat memainkan peranan bagi menangani masalah pengangguran ialah kemiskinan. Orang yang miskin sudah tentu tidak mempunyai modal yang minimum untuk menjalankan sesuatu perusahaan atau perkerjaan. Dalam hal ini, jika sistem zakat berjalan sepenuhnya, sudah tentu orang yang miskin tersebut berhak menerima bahagian mereka dan membolehkan mereka menjalankan perusahaan yang dirancang, sesuai dengan kemahiran dan kelayakan mereka.
9. Zakat adalah satu-satunya cara yang dapat membersihkan hati daripada sifat-sifat keji yang berbahaya kepada masyarakat, iaitu sifat berdendam, iri hati, dan dengki. Ibn Taimiyah berkata: Jiwa orang yang berzakat itu menjadi bersih dan kekayaannya akan bersih dan bertambah maknanya. Bagaimanapun sifat tersebut akan menular dalam masyarakat jika mereka tidak lagi mempunyai sifat berkasih sayang, tolong-menolong dan saling bersimpati. Fenomena ini bukan sekadar slogan yang dilaung-laungkan sahaja malah ia adalah satu realiti yang mesti dirasakan oleh perasaan dan hasilnya lahir dalam masyarakat.
10. Apabila zakat dilaksanakan seperti yang sepatutnya, hasilnya akan kelihatan jelas dan terang. Kesannya pula menakjubkan, iaitu dapat membersihkan jiwa daripada sifat dengki dan iri hati. Malah dapat mengeratkan hubungan persaudaraan orang ramai walaupun mereka berbeza dari segi kemewahan dan kekayaan. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا

Maksudnya: *Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa), dan mensucikan mereka dari akhlak yang buruk.*

(Surah al-Taubah: 103)

11. Kewajipan berzakat mampu mengembalikan kebesaran Islam. Sayid Muhammad Rasyid Ridha mengemukakan dalam tafsirnya. Islam mempunyai kelebihan atas seluruh agama dan syariat yang ada. Dengan adanya kewajipan zakat seperti diakui oleh cerdik pandai seluruh bangsa di dunia ini.
12. Jika seandainya kaum muslimin melaksanakan kewajipan zakat sebagai rukun agama, tentu di kalangan mereka tidak akan ditemukan lagi orang yang



hidupnya sengsara. Padahal Allah memberikan rezeki kepada mereka yang melimpah-limpah. Akan tetapi mereka melalaikan kewajiban ini. Mereka mengkhianati agama dan umatnya. Akibatnya nasib mereka sekarang ini lebih buruk dalam kehidupan ekonomi dan politiknya dari seluruh bangsa-bangsa lain di dunia ini.

13. Zakat daripada umat untuk umat. Benarlah kata al-Marhum Syeikh Mahmud Syaltut. Ketika mensyarahkan hadis Muaz berhubung dengan pesanan Nabi. Antara lain katanya: Pelajaran yang diberikan oleh Nabi SAW menunjukkan bahawa dalam pandangan Islam zakat itu ialah pembiayaan yang diberikan dari sebahagian harta sesuatu umat yang kaya kepada umat itu sendiri yang diwakili oleh fakir miskin. Hal ini disokong oleh Abu al-Ala al-Maududi melalui kitabnya *Usus al-Ikhtisas baina al-Islam wa al-Nuzum al-Mu'asirah* (Asas Ekonomi Islam dan Sistem Ekonomi Moden) antara lain katanya: Yang dikehendaki oleh Islam dengan zakat ialah hendaknya kekayaan itu tidak tertompok hanya pada suatu tempat dalam masyarakat.
14. Semoga kita melaksanakan ibadat zakat bukan semata-mata kerana takut pada hukuman dan balasan Allah tetapi yang lebih mulia kerana menjunjung titah perintah Allah seterusnya menjadi hamba Allah yang sejati. Amin.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Punca keresahan dan kesuntukan adalah mengabaikan Allah SWT dan mempersembahkan hidupnya untuk dunia, hingga orang yang masuk penjara seumur hidup ini tidak boleh dikatakan hidup kerana sudah tidak mendatangkan manfaat lagi dan tidak pula mati yang kerana itu perlu diumumkan derita kematiannya.
- ❖ **Pujangga berkata:** Carilah rezeki yang halal, dan jauhi rezeki yang haram. Hindarkan dirimu untuk mengemis kepada yang lain. Berdagang itu lebih baik daripada menjadi pegawai. Gunakan duitmu untuk berdagang, dan hiduplah dengan penuh kesederhanaan.

Kisah Teladan

Ibn Kathir mengatakan: Tatkala Qutaibah bin Muslim menakluk *Masyriq* (timur), lalu didatangkanlah kepadanya *ghanimah* (harta rampasan perang) berupa emas murni sebesar kepala lembu. Maka dia mengatakan kepada para panglima yang di sekitarnya: Apakah kamu mengetahui seorang muslim yang tidak menerima emas ini jika diberikan kepadanya, mereka mengatakan tidak? Mereka menjawab: Kami tidak pernah menemukan perajurit yang mahu menolak emas ini! Qutaibah (dia adalah seorang hamba yang jujur, muslim dan lurus) mengatakan: Demi Allah, saya akan memperlihatkan seseorang dari umat Nabi Muhammad SAW yang menyamakan emas seperti debu. Kemudian Qutaibah mengirim emas kepada Muhammad bin Wasi' al-Azdi, seorang ulama ahli ibadah yang ikut serta dalam barisan perajuritnya. Qutaibah telah mendengarnya sambil menangis, dan dia berdoa kepada Allah untuk perajurit ini: Demi Allah, tiada Tuhan selain Dia, sesungguhnya jari-jari Muhammad bin Wasi' itu lebih baik bagiku daripada seratus ribu pedang yang tajam dan seratus ribu pemuda yang gagah perkasa.

Maka diapun mengirim emas itu kepada Muhammad bin Wasi', tatkala dia melihatnya, diapun mengambilnya. Maka merekapun kembali kepada Qutaibah dan mengatakan: Sesungguhnya Muhammad bin Wasi' telah mengambil emas tersebut. Qutaibah mengatakan: Allah tempat minta pertolongan. Ya Allah, janganlah Engkau salahkan prasangkaku terhadapnya. Tiba-tiba seorang miskin lalu di hadapan Muhammad bin Wasi' dan mengatakan: Infaqkanlah sebahagian dari harta Allah. Infaqkanlah sebahagian dari harta Allah. Muhammad bin Wasi' pun menginfaqkan semua emas itu kepadanya. Maka tatkala Qutaibah mendengar hal tersebut, diapun berkata: Beginilah hendaklah kita bersikap terhadap dunia ini.

Tatkala kita mengagungkan agama ini di atas dunia, Allah akan menghinakan dunia ini kepada kita, tetapi tatkala kita menghambakan dunia ini, maka agama inipun akan hilang dari kita dan penghuni dunia inipun akan sentiasa menggoda kita. Allah SWT berfirman:

الَّذِينَ يَدُلُّونَ إِلَى الدِّينِ بَدَلُوا نِعْمَتَ اللَّهِ كُفْرًا وَأَحَلُّوا قَوْمَهُمْ دَارَ الْبَوَارِ

Maksudnya: Tidakkah kamu perhatikan orang-orang yang telah menukar nikmat Allah dengan kekafiran dan menjatuhkan kaumnya ke lembah kebinasaan?

(Surah Ibrahim: 28)